

**Kerajaan Selangor peruntuk RM36 juta projek di DUN Ijok**  
**Malaysiakini.com**  
**April 18, 2007**

Menjelang hari penamaan calon bagi pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok pagi esok, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo mengumumkan peruntukan RM36 juta bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan untuk keperluan rakyat di kawasan tersebut dalam tempoh dua minggu ini.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor berkata, antara projek itu melibatkan kemudahan awam seperti membaiki, menurap dan membesarkan jalan, membina longkang dan memasang lampu di jalan utama.

"Kesemua projek-projek itu akan dimulakan segera dan kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja itu juga telah dipilih," katanya.

Beliau menegaskan dalam majlis mesra rakyat dan penyerahan surat kelulusan tanah kepada penduduk beberapa kampung di DUN Ijok di Kuala Selangor hari ini.

Menurut laporan Bernama, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah menetapkan esok sebagai hari penamaan calon dan pengundian pada 28 April.

Kerusi DUN Ijok kosong berikutan kematian Datuk K Sivalingam di Chennai, India pada 4 April lalu akibat sakit jantung.

BN menamakan setiausaha MIC bahagian Tanjung Karang K Parthiban, 38, sebagai calonnya manakala Parti Keadilan Rakyat (PKR) diwakili oleh bekas ketua pegawai eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Kumpulan Guthrie Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, 61.

**MB: Bukan kerana p'raya**

Menurut Dr Mohd Khir projek pembangunan itu bukan disebabkan kerana pilihanraya kecil seperti yang didakwa parti pembangkang, tetapi sebaliknya telah lama dirancang kerajaan negeri.

"Parti pembangkang sebenarnya sudah tiada isu di Ijok hingga menuduh kita melaksanakan projek untuk memancing undi," katanya.

Mengenai projek pembangunan, beliau memberi amaran kepada kontraktor yang dipilih yang terdiri daripada kontraktor kecil tempatan di daerah ini supaya memulakan dan menyiapkan kerja itu dengan segera.

"Jika mereka gagal berbuat demikian, tawaran itu akan ditarik balik dan diberi kepada kontraktor lain," katanya.

Dr Mohd Khir turut berbangga dengan pencapaian akademik pelajar Ijok dan mensasarkan setiap rumah di sini perlu mempunyai seorang mahasiswa.

"Penduduk Ijok bukan setakat boleh berbangga kerana terdapatnya Universiti Industri Selangor (UNISEL) tetapi mereka perlu memastikan anak-anak mereka belajar di situ," katanya.

## **Masalah penduduk**

Sementara itu, Parthiban berkata, masalah dalaman MIC Kuala Selangor tidak akan menjejaskan peluangnya untuk memenangi kerusi tersebut.

Beliau mengulas tindakan Ketua MIC Kuala Selangor, S P Thirumorthy, 55, and tujuh pemimpin cawangan MIC di Kuala Selangor yang keluar dari parti itu berhubung pemilihan calon MIC bagi kerusi berkenaan.

Parthiban berkata, beberapa pemimpin cawangan yang meninggalkan parti itu bersama dengan Thirumorthy telah menyatakan sokongan mereka kepadanya.

"Saya positif mereka akan menyokong saya kerana mereka adalah kawan-kawan saya. Setakat ini, empat daripada mereka telah menghubungi saya untuk menyatakan sokongan mereka.

"Kata mereka tiada apa yang hendak dibimbangkan kerana mereka tetap menyokong saya. Saya yakin tiga lagi pemimpin berkenaan juga akan berbuat demikian," katanya dalam laporan Bernama.

Parthiban, 38, berkata beliau telah mengunjungi beberapa kawasan di Ijok dan kebanyakan penduduknya menyuarkan masalah kekurangan prasarana seperti jalan, longkang dan lampu jalan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/66122>